

01 NOV 2003

Abdullah-Pulang

RIBUAN RAKYAT MENYAMBUT KEPULANGAN ABDULLAH DI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 1 Nov (Bernama) -- Beribu-ribu rakyat dari segenap lapisan masyarakat membanjiri terminal lama Lapangan Terbang Bayan Lepas di sini untuk menyambut kepulangan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke negeri kelahirannya, sehari selepas beliau dilantik sebagai Perdana Menteri menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pesawat khas yang membawa Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Endon Mahmood mendarat pada kira-kira pukul 3.10 petang. Kedua-dua mereka kemudian dipersilakan daripada pesawat itu oleh Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, dan timbalannya Datuk Dr Hilmi Yahaya, anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri serta para pegawai kanan kerajaan.

Turut menyambut ketibaan mereka ialah para pemimpin dan anggota parti Barisan Nasional (BN), wakil dan pekerja syarikat swasta, pelajar sekolah dan kolej serta orang awam.

Anggota komponen BN membawa pelbagai sepanduk, antaranya tertulis "Ke Era Baru Bersama YAB Pak Lah", "Pak Lah Anak Pulau Pinang Yang Kita Semua Bangga dan Sayangi", dan "Tahniah Pak Lah, Sokongan Padu Sentiasa Bersama Mu."

Abdullah, 64, mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara petang semalam, menggantikan Dr Mahathir yang mengundur diri setelah 22 tahun menerajui negara.

Kepulangannya bertujuan antara lain menemui ibunya Datuk Kailan Hassan di rumah keluarganya di Jalan Perak, Kepala Batas, dekat sini, untuk mendapatkan restu atas pelantikannya sebagai Perdana Menteri.

Abdullah, turut menyampaikan ucapan sulungnya selaku Perdana Menteri pada majlis berkenaan.

Sebelum itu, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon menyampaikan ucapan alu-aluan selepas Mufti Kerajaan Negeri Datuk Haji Hassan Ahmad membacakan doa selamat.

Abdullah yang menaiki kereta untuk menemui ibunya diiringi konvoi beratus-ratus motosikal berkuasa tinggi melalui Jalan Tun Dr Awang menuju ke Bulatan Bayan Baru dan Lebuhraya Bayan Lepas sebelum melalui Jambatan Pulau Pinang.

Rombongan Abdullah itu kemudiannya disertai beratus-ratus lagi motosikal berkuasa tinggi yang menunggu di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang, menuju ke Kepala Batas di mana majlis sambutan tidak kurang meriahnya telah diatur.

Orang ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelajar sekolah berbaris di sepanjang jalan bagi mengucapkan tahniah kepada Abdullah atas pelantikannya itu.

Petang ini, Abdullah dijadual berbuka puasa bersama ibu serta anggota keluarganya yang lain di rumah ibunya.

Pada sebelah malam, beliau dijadualkan menunaikan solat Isyak dan Tarawih di Masjid Jami'ul Badawi, yang terletak di seberang jalan rumah ibunya.

-- BERNAMA

SA AA ZS PR